



## Metode Penurunan al-Quran dan Aspek Pemeliharaannya

Abd Rahman Abd Ghani<sup>1</sup>

### ABSTRAK

*Al-Quran merupakan kalam Allah s.w.t. yang penuh dengan kemukjizatan. Justeru itu ia tetap terpelihara di sisi Allah s.w.t. sehingga ke hari kiamat. Kajian ini akan membincangkan tiga metode penurunan yang terjadi terhadap kitab suci tersebut sehingga menjadikan ia terus terpelihara sehingga ke hari kiamat dan semua metode yang akan dibincangkan telah memberikan berbagai-bagai kemaslahatan terhadap umat nabi Muhammad s.a.w. yang mana al-Quran itu diturunkan kepada mereka. Artikel ini akan menghuraikan secara terperinci mengenai metode-metode berkenaan serta kaitannya dengan aspek pemeliharaan, di samping penjelasan mengenai hikmah-hikmah di sebalik penurunannya dengan berpandukan metode-metode tersebut. Dapatan kajian akan mampu memberikan kefahaman yang lebih mendalam terhadap masyarakat mengenai sejarah permulaan penurunan al-Quran dan seterusnya dapat mengetahui beberapa hikmah yang tersembunyi di sebalik penurunannya dengan berbagai-bagai metode.*

**Kata Kunci:** Pengajian al-Quran, Metode penurunan al-Quran, pemeliharaan al-Quran

### PENDAHULUAN

Al-Quran adalah satu-satunya kitab yang diturunkan oleh Allah s.w.t yang diberikan jaminan sepenuhnya akan terpelihara sehingga ke hari kiamat. Sungguhpun demikian, itu bukanlah bermaksud bahawa umat Islam tidak perlu melakukan sebarang usaha ke arah itu. Manusia merupakan khalifah Allah s.w.t. di muka bumi ini, justeru itu mereka adalah pemegang segala amanah Allah s.w.t. dan salah satu amanah yang dipertanggungjawabkan kepada mereka ialah memelihara kemurniaan dan kesucian al-Quran.

Tanpa menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan itu, berbagai-bagai perkara yang tidak diinginkan akan berlaku. Contohnya dapat dilihat terhadap kitab-kitab *samawi* yang terdahulu, di mana tanpa adanya sebarang usaha yang dilakukan oleh umat Islam ketika itu, akhirnya kitab-kitab tersebut dengan mudah dapat diubahsuai serta diselewengkan oleh musuh-musuh Islam.

<sup>1</sup> Abd Rahman Abd Ghani, Phd, Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

Al-Quran telah diturunkan oleh Allah s.w.t. sebanyak tiga peringkat, iaitu ke *Lawh al-Mahfuz*, kemudian ke *Bayt al-Izzah* dan akhir sekali kepada Rasulullah s.a.w.<sup>2</sup> Penurunan al-Quran sebanyak tiga kali ini memberikan gambaran jelas kepada semua umat Islam bahawa pemeliharaan al-Quran itu sebenarnya telah mula berlaku semenjak al-Quran itu mula diturunkan lagi. Justeru itu sangat benarlah firman Allah s.w.t. yang berbunyi:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

Maksudnya: *Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.*

Surah al-Hijr (15) : 9.

Ayat tersebut adalah merupakan jaminan Allah s.w.t. kepada sekalian manusia dan secara tidak langsungnya ayat tersebut juga telah memberikan suatu berita yang menggembirakan kepada seluruh umat Islam. bahawa al-Quran itu pasti tidak akan dapat diubah atau diselewengkan oleh musuh-musuh Islam sehingga ke hari kiamat.

Jaminan yang diberikan oleh Allah s.w.t. ini dapat dilihat sebaik sahaja al-Quran itu mula diturunkan. Terdapat tiga aspek yang penulis maksudkan di sini iaitu penyampaian dan penerimaan al-Quran secara *Talaqqi*<sup>3</sup> dan *Musyafahah*<sup>4</sup>, penurunannya secara berperingkat-peringkat dan penurunannya dengan tujuh huruf.

### **PENYAMPAIAN / PENERIMAAN AL-QURAN SECARA TALAQQI DAN MUSYAFAHAH**

Jaminan pemeliharaan al-Quran yang diberikan oleh Allah s.w.t. ini dapat dilihat dari metodologi penurunan al-Quran itu sendiri, di mana ia disampaikan dan diterima secara *Talaqqi* dan *Musyafahah*. Ia merupakan suatu metode penurunan wahyu yang tidak pernah berlaku terhadap kitab-kitab terdahulu. Melalui metode ini, Malaikat Jibril a.s. menerima bacaan al-Quran daripada Allah s.w.t.<sup>5</sup> dan melalui cara tersebut juga, Rasulullah s.a.w. menerima al-Quran daripada Malaikat Jibril a.s.<sup>6</sup> Demikianlah juga keadaannya al-Quran itu diterima oleh para sahabat, tabiin dan seterusnya hingga ke generasi akhir zaman.

Melalui metode *Talaqqi* dan *Musyafahah* ini, sesuatu ayat yang diterima itu akan dapat dipastikan kesahihannya kerana ia diterima daripada mulut atau ucapan seseorang. Oleh sebab itu, al-Quran tidak akan terdedah dengan sebarang penyelewengan dan pemalsuan, sekalipun usaha-usaha ke arah itu terus menerus dilakukan oleh musuh-musuh Islam. Ia amat berbeza sekiranya penerimaan/metode pembelajaran itu berlaku melalui metode pembacaan dari

<sup>2</sup> Peringkat pertama dan kedua penurunan al-Quran berlaku dengan sekaligus, sementara peringkat yang ketiga pula berlaku secara berperingkat-peringkat selama lebih kurang 23 tahun. Lihat, al-Syaykh Muhammad ‘Abd al-‘Azim al-Zarqani, *Manahil al-Irfan fi ‘Ulum al-Qur’an*, juz. 1. (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1988), 45 – 48.

<sup>3</sup> Berasal dari perkataan “*Laqqiya*” yang bermaksud berjumpa atau bertemu. Lihat, Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi, *Kamus Idris al-Marbawi*, juz. 2, cet. 4, (1935), 225. Yang dimaksudkan di sini ialah metode penyampaian dan penerimaan al-Quran yang dilakukan secara pertemuan di antara Malaikat Jibril a.s. dengan Rasulullah s.a.w. atau di antara murid dengan guru.

<sup>4</sup> Berasal dari perkataan “*Syafahah*” yang bermaksud bertutur semulut. Lihat, *Ibid.*, juz. 1, hlm. 323. Yang dimaksudkan di sini ialah metod penyampaian dan penerimaan al-Quran yang dilakukan secara bacaan di antara Malaikat Jibril a.s. dengan Rasulullah s.a.w. atau di antara murid dengan guru.

<sup>5</sup> Muhammad bin Muhammad Abu Syuhbah (1992), *Al-Madkhal li Dirasah al-Qur’an al-Karim* (Beirut: Dar al-Jil), 56 – 57.

<sup>6</sup> *Ibid.*, 57 – 58.

buku-buku atau catatan-catatan sahaja, kerana ianya dengan mudah boleh dipinda atau diubah sebagaimana yang berlaku terhadap kitab-kitab samawi yang lain iaitu Taurat, Injil dan Zabur.

Metode *Talaqqi* dan *Musyafahah* yang diamalkan antara Malaikat Jibril a.s dengan Rasulullah s.a.w., juga antara Rasulullah s.a.w. sendiri dengan sebahagian para sahabat adalah dengan cara guru membacakan ayat berkenaan dan murid pula hanya mendengar sahaja bacaan gurunya<sup>7</sup>. Cara seumpama ini sesuai digunakan pada zaman itu memandangkan Rasulullah s.a.w sendiri, juga sebahagian para sahabat mempunyai kekuatan ingatan dan keistimewaan luar biasa yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t. kepada mereka.<sup>8</sup>

Akan tetapi keadaan dan suasana pada zaman tersebut telah jauh berbeza dengan zaman-zaman selepas itu. Oleh kerana tidak ramai atau mungkin tiada lagi dikalangan umat Islam yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t. dengan keistimewaan-keistimewaan yang pernah dimiliki oleh generasi-generasi sebelum mereka, maka para ulama telah menggariskan suatu metode yang lain iaitu murid yang akan membaca di hadapan gurunya, sementara guru hanyalah mendengar bacaan muridnya serta memperbetulkannya apabila berlaku kesalahan.<sup>9</sup> Cara ini sebenarnya, dilakukan juga oleh Rasulullah s.a.w. ketika baginda membuat penyemakan terakhir bersama-sama dengan Malaikat Jibril a.s. Cara inilah yang terus diguna dan diamalkan sehingga sekarang memandangkan ianya lebih mudah diikuti, juga sesuai dengan kemampuan yang dimiliki oleh generasi kini. Akan tetapi, para ulama menjelaskan bahawa menggabungkan di antara dua cara tersebut adalah amalan yang lebih praktikal dan sangat berkesan kepada pelajar dan ianya sangat sesuai diamalkan sekiranya mempunyai banyak waktu.<sup>10</sup>

Manapun dari cara-cara tersebut yang digunakan, semuanya itu adalah merupakan sebahagian usaha ke arah memelihara al-Quran daripada sebarang kesalahan atau penyelewengan dan itulah sebenarnya yang diperintahkan oleh Allah s.w.t. kepada semua umat Islam.

Oleh yang demikian, sekiranya metodologi ini tidak digunakan semasa proses penurunan al-Quran berlaku, maka berkemungkinan cara-cara pembacaan al-Quran yang sebenar terutamanya yang berkaitan dengan cara bacaannya (tajwid) tidak akan dapat diterima oleh umat Islam selepasnya. Selain itu, terdapat banyak kalimah dalam al-Quran yang perlu dibaca dengan kaedah-kaedahnya yang tersendiri dan semua ini pasti tidak mampu diperolehi melainkan dengan metode *Talaqqi* dan *Musyafahah*.

## PENURUNAN AL-QURAN SECARA BERPERINGKAT-PERINGKAT

Penurunan al-Quran secara berperingkat-peringkat dari *Bayt al- 'Izzah* ke dunia juga adalah merupakan suatu peristiwa yang membuktikan bahawa al-Quran itu akan dijamin terpelihara oleh Allah s.w.t. Al-Quran mula diturunkan kepada Rasulullah s.a.w. pada 17 Ramadhan tahun yang ke 41 selepas kelahiran baginda s.a.w.<sup>11</sup> dan penurunannya ini berterusan sehingga beberapa hari sahaja sebelum kewafatannya. Penurunan al-Quran secara beransur-ansur ini berlaku selama lebih kurang dua puluh tiga tahun, iaitu tiga belas tahun di Makkah al-

<sup>7</sup> Mahmud al-Husari, *Ahkam Qira'ah al-Qur'an al-Karim* (Kaherah: Matabi' Syirkah al-Syimarli, 1970), 19.

<sup>8</sup> Di antara para sahabat yang sangat kuat ingatannya ialah Ubay bin Ka'ab, sehingga apa sahaja yang beliau dengar daripada Rasulullah s.a.w. terus dapat dihafalnya dan disampaikan kepada orang lain. Lihat, Prof. Dr. Hamka, *Tafsir al-Azhar*, juz 29 – 30 (Surabaya: Yayasan Latimojong, 1984), 207.

<sup>9</sup> Muhammad Mahmud 'Abd al-'Alim, *Ahkam al-Tajwid wa Fada'il al-Qur'an*, cet. 14 (Kaherah: Syirkah al-Syimarli, 2005), 11.

<sup>10</sup> *Ibid.*

<sup>11</sup> Ibrahim al-Abyari, *Tarikh al-Qur'an*, cet. 3 (Kaherah: Dar al-Kitab al-Misri, 1991), 96.

Mukarramah dan sepuluh tahun lagi di Madinah al-Munawwarah. Perkara ini telah dijelaskan oleh Allah s.w.t. melalui firmanNya:

وَقُرْءَانًا فَرَقْنَاهُ لِتَقْرَأَهُ عَلَى النَّاسِ عَلَى مُكْثٍ وَنَزَّلْنَاهُ تَنْزِيلًا

Maksud: *Dan al-Quran itu Kami bahagi-bahagikan supaya engkau membacaknya kepada manusia dengan lambat tenang, dan kami menurunkannya beransur-ansur.*

Surah al-Isra' (17) : 106.

Penurunannya secara beransur-ansur yang samasekali berbeza dengan cara penurunan kitab-kitab *samawi* sebelumnya sudah tentu mengandungi rahsia dan hikmah yang tersendiri. Al-Quran telah menyatakan secara jelas bahawa hikmah utama penurunan al-Quran secara demikian adalah untuk menguatkan dan meneguhkan hati Rasulullah s.a.w. yang terpaksa berdakwah secara bersendirian, di samping terpaksa berhadapan dengan kaum musyrikin yang berhati batu, berperangai kasar serta keras kepala. Firman Allah s.w.t.:

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْلَا نُزِّلَ عَلَيْهِ الْقُرْءَانُ جُمْلَةً وَاحِدَةً كَذَلِكَ لِنُثَبِّتَ بِهِ فُؤَادَكَ  
وَرَتَّلْنَاهُ تَرْتِيلًا

Maksudnya: *Dan orang-orang yang kafir berkata : Mengapa tidak diturunkan al-Quran itu kepada Muhammad semuanya sekali (dengan sekaligus)? Al-Quran diturunkan dengan cara (beransur-ansur) itu kerana Kami hendak menetapkan hatimu (wahai Muhammad) dengannya, dan Kami nyatakan bacaannya kepadamu dengan teratur satu persatu.*<sup>12</sup>

Surah al-Furqan (25) : 32.

### **Hikmah Penurunan Al-Quran Berperingkat-Peringkat Serta Kaitannya Dengan Pemeliharaan Al-Quran**

Terdapat berbagai-bagai hikmah yang dapat dibuktikan oleh para ulama hasil dari kajian mereka mengenai hikmah penurunan al-Quran secara berperingkat-peringkat kepada Rasulullah s.a.w. Di antara hikmah-hikmah tersebut, ada yang berkaitan secara langsung dengan pemeliharaan al-Quran dan antaranya ialah:

a) Supaya al-Quran itu mudah dihafaz.

Al-Quran diturunkan kepada suatu umat yang ummi yang tidak pandai membaca dan menulis, yang mana hanya segelintir sahaja di kalangan mereka yang mampu dan mahir dalam bidang penulisan.<sup>13</sup> Oleh kerana al-Quran itu adalah merupakan sumber syariat yang mesti diterima dan diamalkan, maka tiada pilihan lain bagi kebanyakan mereka melainkan terpaksa menghafaz semua ayat al-Quran yang diturunkan ketika itu.

<sup>12</sup> *Al-Quran*. Al-Furqan : 32.

<sup>13</sup> Di Makkah adalah seperti empat orang *Khulafa' al-Rasyidin*, Abu Sufiyan, Talhah bin 'Ubayd Allah, Mu'awiyah bin Abi Sufiyan, Aban bin Sa'id dan al-'Ala' bin al-Muqri'. Di Madinah pula adalah seperti 'Umar bin Sa'id, Ubay bin Ka'ab, Zayd bin Thabit dan al-Mundzir bin 'Amru. Lihat, Sya'ban Muhammad Isma'il, *Rasm al-Mushaf wa Dabtu Bayn al-Tawqif wa al-Istilahat al-Hadithah* (Kaherah: Dar al-Salam, t.t), 9.

Walaupun Allah s.w.t. telah mengurniakan kepada umat ketika itu dengan kekuatan ingatan untuk menghafaz sejumlah ayat-ayat al-Quran, namun sekiranya al-Quran itu diturunkan kepada mereka secara sekaligus, sudah pasti mereka akan menghadapi kesukaran untuk menghafaz semua ayat yang diturunkan, berbeza apabila mereka menghafaznya sedikit demi sedikit. Selain dari itu juga, keadaan umat Islam di kota Makkah semasa tempoh penurunan al-Quran begitu menyedihkan. Mereka adalah kumpulan orang-orang yang lemah dan kehidupan mereka sentiasa tertindas, mereka tidak memiliki kekuatan yang dapat mempertahankan diri mereka dari kekejaman kaum musyrikin, mereka juga hanya sesekali bertemu dengan suasana tenteram bagi membolehkan mereka menghafaz ayat-ayat al-Quran dengan tenang. Oleh itu sekiranya al-Quran diturunkan kepada mereka sekaligus, nescaya ramai di kalangan mereka tidak akan mampu menghafaznya dengan baik.

b) Supaya al-Quran itu mudah difahami.

Al-Quran yang diturunkan oleh Allah s.w.t. mengandungi berbagai-bagai perkara yang berkaitan dengan perundangan umat Islam. Ada di antara ayat-ayat tersebut yang dikenali sebagai ayat *muhkam*<sup>14</sup> dan ada juga yang dikenali sebagai ayat *mutasyabih*.<sup>15</sup> Oleh yang demikian, sekiranya al-Quran itu diturunkan tiga puluh juzuk sekaligus, maka sudah tentulah ia sangat menyukarkan umat Arab ketika itu untuk memahami al-Quran dengan sebaik-baiknya, lebih-lebih lagi kebanyakan mereka tidak pandai membaca dan menulis.

c) Supaya al-Quran itu mudah diamalkan.

Al-Quran yang diturunkan kepada umat Islam bukan sahaja untuk dibaca, tetapi yang lebih penting dari itu ialah untuk diamalkan. Justeru itu penurunannya secara berperingkat-peringkat juga adalah bertujuan agar ia mudah dipelihara dari sudut pengamalan. Hikmah ini jelas dilihat dari peristiwa larangan meminum arak di mana Allah s.w.t. menurunkan ayat al-Quran yang berhubung dengan pengharaman arak ini secara berperingkat-peringkat.

Oleh kerana arak pada ketika itu merupakan minuman tradisi bagi umat Islam, maka sudah tentulah menjadi suatu kesukaran sekiranya mereka dilarang meminumnya serta merta. Jadi untuk memudahkan umat Islam ketika itu memelihara perintah al-Quran, maka Allah s.w.t. menurunkan ayat-ayat larangan meminum arak melalui tiga peringkat. Di peringkat pertama, larangannya hanyalah berupa suatu tegahan yang tidak secara tegas melalui firman Allah s.w.t.:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ قُلْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنْفَعٌ لِلنَّاسِ  
وَإِثْمُهُمَا أَكْبَرُ مِنْ نَفْعِهِمَا

Maksudnya: *Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) mengenai arak dan judi. Katakanlah : pada keduanya ada dosa besar dan ada pula beberapa manfaat bagi manusia, tetapi dosa keduanya lebih besar daripada manfaatnya.*

Surah al-Baqarah (2) : 219.

<sup>14</sup> Iaitu ayat yang mudah diketahui maksudnya atau ayat yang mengandungi satu wajah atau ayat yang maksudnya dapat diketahui secara langsung tanpa memerlukan keterangan lain. Lihat, Manna' al-Qattan, *Mabahith fi 'Ulum al-Qur'an*, cet. 35 (Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 1998), 193.

<sup>15</sup> Iaitu ayat yang maksudnya hanya diketahui oleh Allah s.w.t. sahaja atau ayat yang mengandungi banyak wajah atau ayat yang memerlukan penjelasan daripada ayat-ayat lain. Lihat, *Ibid.*.

Pada peringkat kedua pula, larangannya hanyalah pada ketika hendak menunaikan solat supaya tidak bersolat dalam keadaan mabuk. Larangan ini dijelaskan oleh Allah s.w.t. dalam firmanNya:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا لَا تَقْرُبُوْا الصَّلٰوةَ وَاَنْتُمْ سٰكِرٰى حَتّٰى تَعْلَمُوْا مَا تَقُوْلُوْنَ

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu hampiri sembahyang (mengerjakannya) sedang kamu dalam keadaan mabuk, hingga kamu sedar dan mengetahui akan apa yang kamu katakan (baca).*

Surah al-Nisa' (4) : 43.

Sementara pada peringkat ketiga barulah Allah s.w.t. mengharamkan arak secara menyeluruh. Ini dijelaskan melalui firmanNya:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْاَنْصَابُ وَالْاَزْلٰمُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطٰنِ فَاَجْتَنِبُوْهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُوْنَ

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman, bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.*

Surah al-Ma'idah (5) : 90.

Justeru itu, sekiranya al-Quran tidak diturunkan dalam keadaan sebegini, maka sudah tentulah ia menjadi kesukaran terhadap Rasulullah s.a.w sendiri, lebih-lebih lagi para sahabat yang mana mereka membaca dan menerima al-Quran pada ketika itu dengan cara hafazan semata-mata. Justeru itu, dengan penurunan secara berperingkat-peringkat ini jelas menunjukkan bahawa ia adalah antara rahsia al-Quran boleh diterima dan kekal sehingga ke hari ini.

## PENURUNAN AL-QURAN DENGAN TUJUH HURUF<sup>16</sup>

Suatu lagi peristiwa yang jelas menjadi bukti pemeliharaan Allah s.w.t. terhadap kitab suci al-Quran ialah penurunannya dengan tujuh huruf. Penurunan al-Quran dengan berbagai-bagai cara bacaan itu telah memberikan suatu ruang yang sangat besar kepada umat Arab ketika itu, untuk memilih salah satu cara bacaan yang mudah dan sesuai bagi mereka. Terdapat banyak hadis Rasulullah s.a.w. yang menerangkan bahawa al-Quran itu diturunkan dengan tujuh huruf. Antaranya ialah sebagaimana yang diriwayatkan daripada Ibn 'Abbas r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

أَقْرَأَنِي جِبْرِيلُ عَلَى حَرْفٍ فَرَّاجِعْتُهُ، فَلَمْ أَزَلْ أَسْتَزِيدُهُ، وَبَزَيْدُنِي حَتَّى انْتَهَى إِلَى سَبْعَةِ أَحْرَافٍ { ١٧

<sup>16</sup> Terdapat berbagai-bagai pandangan ulama dalam membahaskan maksud tujuh huruf. Pandangan Ibn al-Jazari yang diamalkan oleh kebanyakan ulama menjelaskan bahawa tujuh huruf itu ialah tujuh wajah yang berbeza-beza. Lihat, Ibn al-Jazari, al-Hafiz Abi al-Khayr Muhammad bin Muhammad al-Dimasyqi, 'Ali Muhammad al-Diba' (ed.), *Al-Nasyr fi al-Qira'at al-'Asyr*, juz 1. (Kaherah: Dar al-Fikr, t.t), 27 – 28.

<sup>17</sup> Al-Imam al-Hafiz Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-'Asqalani (1987), Muhib al-Din al-Khatib (ed.), *Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari*. Kitab Fada'il al-Qur'an, Bab Anzal al-Qur'an 'ala Sab'ah Ahruf, no.hadis 4991

Maksudnya: *Jibril a.s telah membacakan kepadaku dengan satu huruf, maka aku sentiasa mengulang-ulanginya. Aku juga sentiasa meminta kepada Jibril a.s agar ia menambahkan lagi wajah bacaan tersebut. Akhirnya dia menambahkan kepadaku sehingga selesai tujuh huruf.*

Dalam sebuah hadis lain yang diriwayatkan daripada Ubay bin Ka'ab, beliau menceritakan bahawa:

لَقِيَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جِبْرِيلَ فَقَالَ : يَا جِبْرِيلُ إِنِّي بُعِثْتُ إِلَى أُمَّةٍ أُمِّيئِينَ مِنْهُمْ الْعَجُوزُ وَالشَّيْخُ الْكَبِيرُ وَالْعُلَامُ وَالْجَارِيَةُ وَالرَّجُلُ الَّذِي لَمْ يَفْرَأْ كِتَابًا قَطُّ . قَالَ يَا مُحَمَّدُ : إِنَّ الْقُرْآنَ أَنْزَلَ عَلَيَّ سَبْعَةَ أَحْرَفٍ<sup>18</sup>

Maksudnya: *Rasulullah s.a.w. telah bertemu dengan Jibril dan baginda berkata: Wahai Jibril, Sesungguhnya aku diutuskan kepada satu umat yang buta huruf dan di kalangan mereka ada wanita-wanita tua yang lemah, lelaki-lelaki yang uzur, hamba-hamba lelaki, hamba-hamba wanita dan orang-orang yang tidak boleh membaca dengan satu cara bacaan semata-mata. Jawab Jibril: Wahai Muhammad, sesungguhnya al-Quran diturunkan dengan tujuh huruf. ”*

### **Hikmah Penurunan al-Quran Tujuh Huruf Serta Kaitannya dengan Pemeliharaan al-Quran.**

Allah s.w.t. tidak menjadikan sesuatu perkara itu dengan sia-sia, melainkan terdapat padanya beberapa faedah dan hikmah. Begitulah juga dengan apa yang berlaku terhadap kitab suci al-Quran yang diturunkan dengan tujuh huruf. Malah sekiranya difikirkan secara mendalam, maka kita akan dapati bahawa terdapat beberapa hikmahnya mempunyai kaitan dengan faktor-faktor yang membawa kepada terpeliharanya al-Quran di sisi umat Islam. Sama ada secara kebetulan ataupun tidak, hakikat ini sebenarnya adalah merupakan ketetapan Allah s.w.t. Terdapat tiga hikmah penurunan al-Quran dengan tujuh huruf yang mempunyai kaitan dengan pemeliharaan al-Quran iaitu:

- a) Al-Quran akan terpelihara daripada perubahan dan penyelewengan.

Para orientalis barat ataupun musuh Islam mungkin tidak mampu menghalang umat Islam dari terus membaca al-Quran, namun mereka terus berusaha sekurang-kurangnya memesongkan cara bacaan yang diamalkan. Perkara ini telahpun berlaku semenjak zaman dahulu lagi, di mana telah wujud beberapa usaha untuk menambah jumlah surah dalam al-Quran. Golongan Syiah misalnya telah mendakwa bahawa mashaf al-Quran yang ada sekarang ini telah mengalami pengurangan satu surah, dan dengan sebab itu mereka menambahkan surah tersebut yang mereka namakan sebagai Surah al-Wilayah.<sup>19</sup>

Usaha untuk terus merubah atau menyelewengkan al-Quran tidak terhenti setakat itu, malah ianya semakin meluas dilakukan sehingga zaman sekarang. Penemuan sepuluh buah

<sup>18</sup> Abi 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Sawrah (1987), *Al-Jami' al-Sahih wa hu Sunan al-Tirmidhi*, Kitab al-Qira'at 'an Rasul Allah s.a.w., Bab ma ja' Unzil al-Qur'an 'ala Sab'ah Ahruf, no. hadis 2944.

<sup>19</sup> Ghalib bin 'Ali 'Iwaji, *Firaq Mu'asirah tantasib ila al-Islam wa Bayan Mawqif al-Islam minha*. (Madinah al-Munawwarah: Maktabah Layyinah, 1993), 232.

surah palsu di internet<sup>20</sup> adalah merupakan salah satu bukti yang menunjukkan bahawa orientalis barat atau musuh-musuh Islam terus berusaha ke arah itu. Justeru itu, penurunan al-Quran dengan sejumlah huruf yang tertentu itu sebenarnya telah menutup ruang kepada golongan-golongan yang cuba menambah atau mengubahsuai al-Quran, dan sekiranya usaha tersebut dilakukan juga, maka sudah pastilah ianya akan diketahui oleh orang-orang yang mempelajari serta mendalami ilmu qiraat ini.

Pemeliharaan yang dimaksudkan di sini ialah pemeliharaan dari sebarang penambahan atau pengurangan terhadap huruf-huruf, ayat-ayat atau surah-surah al-Quran. Secara tidak langsungnya, hikmah ini memberikan satu jaminan kepada umat Islam bahawa al-Quran itu pasti akan terpelihara daripada sebarang perubahan atau penyelewengan yang mungkin akan dilakukan oleh musuh-musuh Islam pada bila-bila masa sahaja.

b) Sebagai salah satu keringanan (rukhsah) ke atas umat Nabi Muhammad s.a.w.

Penurunan al-Quran dengan tujuh huruf juga telah memberikan satu keringanan dan kemudahan kepada umat Arab ketika itu. Ini disebabkan kerana mereka mempunyai qabilah-qabilah yang banyak dan di kalangan mereka terdapat perbezaan dari sudut bahasa dan lajaj sebutan, dan ini sudah tentu akan menyukarkan kebanyakan daripada mereka untuk membaca al-Quran, sekiranya al-Quran itu diturunkan dengan satu huruf sahaja.

Di samping itu juga al-Quran bukan sahaja dibaca dan diamalkan oleh umat Arab, tetapi untuk semua umat Nabi Muhammad s.a.w. yang berbeza bangsa, bahasa dan warna kulit dan semua mereka pasti tidak akan mampu membaca al-Quran dengan satu cara bacaan sahaja. Inilah juga antara hikmah di sebalik penurunan al-Quran dengan tujuh huruf, agar orang-orang Arab serta semua bangsa yang datang selepas mereka boleh memilih salah satu daripada wajah yang mudah dan mampu mereka baca.

Al-Imam Abu Muhammad ‘Abd Allah bin Qutaybah telah berkata: *Di antara kemudahan yang diberikan oleh Allah s.w.t. ialah dengan memerintahkan nabiNya Muhammad s.a.w. untuk membaca atau mengajarkan setiap umatnya dengan lajaj mereka. Seandainya setiap umat itu ditegah membaca al-Quran berpandukan lajajnya, maka sudah tentulah menjadi suatu kesukaran kepada mereka. Mereka tidak akan mampu melainkan setelah melakukan latihan yang panjang, serta melatih dengan melembutkan lidah yang mungkin memerlukan suatu jangkamasa yang di luar kebiasaan. Maka dengan sebab itu, Allah s.a.w. memberi rahmat dan kelembutan kepada mereka untuk menggunakan berbagai-bagai lajaj, sebagaimana Allah s.w.t. mudahkan dalam urusan agama mereka.*<sup>21</sup>

Pemeliharaan yang dimaksudkan di sini pula ialah pemeliharaan dari sudut pembacaan kerana secara tidak langsungnya, hikmah ini akan menjadikan al-Quran itu mampu dipelihara atau dibaca oleh sesiapa jua menurut lajaj-lajaj yang diharuskan kepada mereka.

c) Kepelbagaian hukum syariat dalam Islam.

Banyak perkara sedemikian yang terdapat dalam al-Quran berpunca dari penurunannya dengan tujuh huruf. Ini memberikan banyak ruang dan pilihan untuk beramal, seterusnya membuktikan bahawa Islam itu adalah satu agama yang mudah diamalkan. Contohnya firman Allah s.w.t.:

<sup>20</sup> Surah-surah tersebut ialah surah al-Iman, al-Muslimun, al-Wasaya, al-Kitab, al-Tajassud, al-Muqatta‘ah, al-‘Araj, al-‘Usfur, al-Nabi dan al-Du‘a’. Lihat, <http://www.suralikeit.com>, 28 Februari 2006.

<sup>21</sup> Al-syaykh ‘Abd al-Latif Fayzidaryan, *Al-Tabyin fi Ahkam Tilawah al-Kitab al-Mubin* (Beirut: Dar al-Ma‘rifah, 1999), 88 – 89.



يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ  
وَأَمْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ

Maksud: *Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang (padahal kamu berhadap kecil), maka (berwudhuklah) iaitu basuhlah muka kamu, dan kedua belah tangan kamu meliputi siku, dan sapulah sebahagian dari kepala kamu, dan basuhlah kedua belah kaki kamu meliputi buku lali.*

Surah al-Ma'idah (5) : 6.

Dalam ayat di atas, para Qurra' berbeza cara bacaan mereka pada kalimah (وأرجلكم), sebahagian mereka membaca dengan baris di atas pada huruf Lam<sup>22</sup> dan sebahagian yang lain membaca dengan baris di bawah.<sup>23</sup> Sekiranya dibaca dengan baris di atas ia membawa maksud kaki hendaklah dibasuh ketika berwudhuk, tetapi apabila dibaca dengan baris di bawah ia pula bermaksud kaki memadam hanya disapu ketika berwudhuk. Dalam hukum feqah, para ulama telah bersepakat menyatakan bahawa membasuh kedua-dua belah kaki hingga ke buku lali ketika berwudhuk adalah wajib, kerana ia merupakan salah satu dari fardhu-fardhu wudhuk,<sup>24</sup> akan tetapi dalam situasi yang lain seseorang itu diharuskan untuk menyapu kedua-duanya sahaja (menyapu dua khuf).<sup>25</sup>

Pemeliharaan yang dimaksudkan di sini pula ialah pemeliharaan dari sudut pengamalan terhadap perintah-perintah al-Quran. Dengan adanya cara bacaan yang berbagai-bagai, maka penafsiran terhadap sesuatu hukum syarak juga akan berbeza. Ini membuka dan memberikan banyak ruang terhadap umat Islam untuk beramal terhadap sesuatu hukum syariat yang lebih mudah dan yang mereka lebih yakini.

## PENUTUP

Penurunan al-Quran dengan pelbagai metode atau cara telah memberikan banyak kemudahan dan keringanan kepada umat Nabi Muhammad s.a.w. Berbagai-bagai aspek dilihat telah memberikan banyak cara dan pilihan kepada mereka untuk membaca al-Quran dengan baik sebagaimana ia diturunkan. Metode penurunannya secara *talaqqi* dan *musyafahah*, juga penurunannya secara berperingkat-peringkat serta dengan kepelbagaian cara bacaan telah menjadikan umat Islam dapat mempelajari dan menerima al-Quran itu dengan lebih mudah serta dapat menjadikannya sebagai panduan dalam kehidupan mereka seharian.

Semua perkara yang berlaku ini sememangnya merupakan ketentuan daripada Allah s.w.t. Namun secara tidak langsungnya, ia adalah merupakan satu sebab musabbab yang membolehkan al-Quran terpelihara sehingga ke hari ini dan pasti akan terus terpelihara sehingga hari kiamat.

<sup>22</sup> Dibaca oleh al-Imam Nafi', Ibn 'Amir, Hafs, al-Kisa'i dan Ya'qub. Lihat, 'Abd al-Fattah al-Qadi, *Al-Budur al-Zahirah fi al-Qira'at al-Asyr al-Mutawatirah min Tariqay al-Syatibiyah wa al-Durra* (Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi, 1981), 89.

<sup>23</sup> Dibaca oleh al-Imam Ibn Kathir, Abu 'Amru, Syu'bah, Hamzah, Abu Ja'far dan Khalaf. Lihat, *Ibid.*.

<sup>24</sup> Wahbah al-Zuhayli, *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, juz. 1, cet. 3. (Damsyik: Dar al-Fikr, 1989), 222.

<sup>25</sup> Khuf ialah sejenis penutup kaki yang kebiasaannya dibuat dari kulit. Menyapu kedua-dua khuf adalah sebagai ganti membasuh kedua-dua belah kaki. Ia diharuskan pada tempat dan masa yang tertentu sahaja. Lihat, *Ibid.*, hlm. 317.

## RUJUKAN

- ‘Abd al-‘Alim, Muhammad Mahmud, *Ahkam al-Tajwid wa Fada’il al-Qur’an*, cet. 14, Kaherah: Syirkah al-Syimarli, 2005.
- Abu Firakh, Muhammad Ahmad, *Al-Wajiz fi Ahkam al-Tajwid*, Kaherah: Dar al-Fath li al-‘Ilam al-‘Arabi, 1988.
- Abu Syuhbah, Muhammad bin Muhammad, *Al-Madkhal li Dirasah al-Qur’an al-Karim*, Beirut: Dar al-Jil, 1992.
- Al-Abyari, Ibrahim, *Tarikh al-Qur’an*. Kaherah: Dar al-Kitab al-Misri & Beirut : Dar al-Kitab al-Lubnani, 1964.
- Al-‘Asqalani, al-Imam al-Hafiz Ahmad bin ‘Ali bin Hajar, Muhib al-Din al-Khatib (ed.), *Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari*, juz. 2 & 8. Kaherah : Dar al-Rayyan li al-Turath, 1997.
- Al-Husari, Mahmud, *Ahkam Qira’ah al-Qur’an al-Karim*. Kaherah: Matabi‘ Syirkah al-Syimarli, 1970.
- Al-Jazari, Abi al-Khayr Muhammad bin Muhammad, ‘Ali Muhammad al-Diba‘ (ed.), *Al-Nasyr fi al-Qira’at al-‘Asyr*, juz 1. Kaherah: Dar al-Fikr, t.t
- Al-Nawawi, Abi Zakariyya Yahya bin Syarf al-Din, Basyir Muhammad ‘Uyun (ed.), *Al-Tibyan fi Adab Hamlah al-Qur’an*. Beirut: Maktabah Dar al-Bayan, 1993.
- Al-Qadi Abd al-Fattah, *Al-Budur al-Zahirah fi al-Qira’at al-‘Asyr al-Mutawatirah min Tariqay al-Syatibiyyah wa al-Durra*, Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi, 1981.
- Al-Qattan, Manna‘, *Mabahith fi ‘Ulum al-Qur’an*, cet. 2. Beirut: Mu’assasah al-Risalah, 1999.
- Al-Salih, Subhi, *Mabahith fi ‘Ulum al-Qur’an*. Beirut: Dar al-‘Ilm li al-Malayin, 1990
- Al-Suyuti, Jalal al-Din ‘Abd al-Rahman, Mustafa Dib al-Bugha (Dr.) (ed.), *Al-Itqan fi ‘Ulum al-Qur’an*. juz. 1. Beirut: Dar Ibn Kathir, 1987.
- Al-Zarkasyi, Badr al-Din Muhammad bin ‘Abd Allah, Muhammad Abu al-Fadl (ed.), *Al-Burhan fi ‘Ulum al-Qur’an*, juz. 1. Beirut: Dar al-Jil, 1988.
- Al-Zarqani, Muhammad ‘Abd ‘Azim, *Manahil al-‘Irfan fi ‘Ulum al-Qur’an*, juz. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1988.
- Al-Zuhayli, Wahbah, *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatih*, juz. 1, cet. 3. Damsyik: Dar al-Fikr, 1989.
- Fayzidaryan, Al-syaykh ‘Abd al-Latif, *Al-Tabyin fi Ahkam Tilawah al-Kitab al-Mubin*, Beirut: Dar al-Ma‘rifah, 1999.
- Hamka, Prof. Dr, *Tafsir al-Azhar*, juz 29 – 30. Surabaya: Yayasan Latimojong, 1984.
- ‘Iwaji, Ghalib bin ‘Ali, *Firaq Mu‘asirah tantsib ila al-Islam wa Bayan Mawqif al-Islam minha*. Madinah al-Munawwarah: Maktabah Layyinah, 1993
- Sya‘ban Muhammad Isma‘il, *Rasm al-Mushaf wa Dabtuh Bayn al-Tawqif wa al-Istilahat al-Hadithah*. Kaherah: Dar al-Salam, t.t

Laman Web: <http://www.suralikeit.com>